

UNTUK PEMILIK BISNES ENTERPRISE.

11 ASAS PENGURUSAN AKAUN BISNES DAN CUKAI SUPAYA TAK DIBURU LHDN.

Panduan asas pengurusan
keuangan dan cukai untuk
bisnes enterprise.

Apa yang anda akan belajar dan faham?

1. 4 Komponen asas (dan utama) untuk bisnes Enterprise?
2. Akaun - Rekod dan simpan.
3. Audit - Boleh lupakan.
4. Cukai (Tax) - Wajib lapor.
5. SSM - Tak perlu risau.
6. Akaun dan cukai - Tak susah, tapi tak mudah.
7. Daripada meja juruaudit berpengalaman 10 tahun.
8. 1 - Bayar zakat maksudnya tak perlu bayar cukai.

9. 2 - Bisnes rugi, tak perlu bayar cukai.

10. 3 - Saya bisnes online, tak payah daftar perniagaan.

11. 4 - Daftar cukai, tak semestinya bayar cukai.

12. 5 - Beli kereta lagi berbaloi daripada bayar cukai.

13. 6 - Saya nak claim semua perbelanjaan peribadi daripada bisnes sendiri.

14. 7 - Betul ke beli kereta cash LHDN akan kejar?

15. 5 Perkara yang anda dapat belajar tentang bisnes, enterprise dan cukai.

16. Apakah formula asas pengurusan duit bisnes enterprise untuk jualan bawah RM490,000 setahun?

4 Komponen asas (dan utama) untuk bisnes Enterprise?

Sambil-sambil Google untuk belajar tentang percukaian (khas untuk bisnes Enterprise), saya belajar sesuatu yang sangat bermanfaat daripada blog Cukai Syarikat (dot) blogspot (my).

Blog ini dah sediakan maklumat yang perlu diambil tahu oleh setiap pemilik bisnes.

Tapi dalam perkongsian ini, saya mahu ulang semula perkongsian mereka tentang 4 komponen utama yang kita kena ambil tahu.

Apakah perkara-perkara asas yang penting untuk kita ambil tahu, jika bisnes kita berdaftar sebagai Enterprise?

Ada 4 komponen utama:

- 1) Akaun.
- 2) Audit.
- 3) Cukai.
- 4) SSM (Suruhanjaya Syarikat Malaysia).

Untuk Enterprise (samada pendaftaran perseorangan atau bersama rakan niaga):

Akaun - Rekod dan simpan.

Perlu sediakan akaun yang lengkap dan simpan maksimum selama 7 tahun.

Akaun bisnes Enterprise tidak perlu diaudit dan juga diserahkan kepada SSM. Tujuan kita sediakan akaun adalah untuk kira untung dan rugi dalam bisnes.

Bagi pihak LHDN (Lembaga Hasil Dalam Negeri), mereka akan buat Audit Cukai ke atas perniagaan ini setiap 4 tahun, dan mereka perlukan akaun yang lengkap.

Audit - Boleh lupakan.

Sebab bisnes yang berdaftar secara Enterprise tak perlu hantar audit.

Cukai (Tax) - Wajib lapor.

Keuntungan dan kerugian yang berlaku dalam bisnes kita wajib dilaporkan kepada LHDN. Setiap tahun.

Ini borang yang perlu kita tahu:

- 1) Borang B (Enterprise) dan Borang P (Partnerships).
- 2) Borang E dan EA Form.

SSM - Tak perlu risau.

Kerana bisnes yang didaftarkan sebagai Enterprise tak perlu submit akaun kepada pihak SSM.

Akaun dan cukai - Tak susah, tapi tak mudah.

Kalau kita perasan, tak susah sangat pun untuk menguruskan akaun dan cukai bagi bisnes Enterprise. Benda yang paling-paling penting adalah merekodkan setiap satu perjalanan kewangan dalam bisnes kita.

Kalau tak rekod, macam mana nak hantar taksiran cukai?

Daripada meja juruaudit berpengalaman 10 tahun.

Perkongsian ini saya belajar dan ambil daripada Tuan Rezduan Bakar.

Kalau anda tak kenal beliau, Tuan Rezduan Bakar sudah berpengalaman menjadi juruaudit selama 10 tahun.

Jadi, beliau memang layak untuk berkongsi ilmu tentang percukaian ini. Khususnya kepada pemilik bisnes yang mempunyai bisnes yang berdaftar sebagai ENTERPRISE.

Boleh follow beliau di FB:

<https://www.facebook.com/rezduan.bakar>

1 - Bayar zakat maksudnya tak perlu bayar cukai.

Ada beberapa peniaga yang berpendapat,

“Aku dah bayar zakat! Jadi tak perlu bayar cukai!”

Entah daripada mana dia belajar teori ini. Zakat dan cukai adalah dua perkara yang berbeza.

Zakat wajib untuk umat Islam.

Cukai pula adalah undang-undang dalam negara.

Walaupun zakat boleh membantu mengurangkan pembayaran cukai, namun masih perlu hantar taksiran dulu.

Tidak buat taksiran cukai boleh dikenakan tindakan undang-undang. Walaupun kita bayar zakat banyak gila.

2 - Bisnes rugi, tak perlu bayar cukai.

“Bisnes aku rugi tahun ini. Tak perlu hantar borang taksiran.”

Bisnes yang kita buat, samada untung atau rugi, tetap kena hantar borang taksiran.

Sebenarnya kalau rugi, lagi penting untuk kita hantar borang taksiran. Kerana kerugian pada tahun ini boleh ditolak dengan untung masa hadapan.

3 - Saya bisnes online, tak payah daftar perniagaan.

Ini kelak.

Bila dia berniaga secara 'online', dia tak perlu daftar perniagaan di SSM (Suruhanjaya Syarikat Malaysia).

Antara alasan yang popular adalah, "Saya tak ada kedai. Berniaga 100% daripada rumah."

Semua perniaga perlu berdaftar. Walaupun kita sekadar dropship atau ejen.

Daftar perniagaan tak mahal pun. Kalau dah untung beribu-ribu, boleh saja keluarkan sedikit modal untuk daftar perniagaan.

4 - Daftar cukai, tak semestinya bayar cukai.

Bila daftar cukai di LHDN (Lembaga Hasil Dalam Negeri), tak semestinya kena bayar cukai. Kita perlu buat taksiran cukai terlebih dahulu.

Taksiran cukai ini tak sama macam penyata untung rugi.

Perbezaan pengiraan ini boleh menyebabkan untung jadi rugi. Yang rugi juga boleh jadi untung.

5 - Beli kereta lagi berbaloi daripada bayar cukai.

“Baik beli kereta! Boleh tolak cukai!”

Beli aset untuk bisnes memang ada kelebihan dalam cukai. Ia dikenali sebagai elaun modal. Berbeza sedikit dari susut nilai atau depreciation dalam perakaunan.

Tapi untuk kenderaan penumpang, ada had juga.

Untuk kenderaan baru yang bernilai kurang dari RM150,000, had yang dibenarkan adalah RM100,000 saja.

Lebih dari RM150,000, amaun yang dibenarkan hanya RM50,000.

Maksudnya kalau kita beli Porsche Cayenne Turbo harga RM800,000, amaun yang dibenarkan untuk penolakan cukai cuma RM50,000 saja.

Sebab ia bernilai lebih RM150,000.

Tahun pertama boleh tolak 40% dan tahun kedua sehingga tahun keempat boleh tolak 20% untuk pengurangan cukai.

6 - Saya nak claim semua perbelanjaan peribadi daripada bisnes sendiri.

“Saya tuan empunya bisnes ini. Jadi semua perbelanjaan saya ditanggung oleh syarikat.”

Ini namanya merompak duit bisnes sendiri. Habis segala perbelanjaan di'claim' daripada bisnes. Beli susu anak, tiket Legoland semua pun nak claim.

Tak semua perbelanjaan boleh masuk dalam akaun perniagaan. Hanya yang berkaitan secara langsung dalam perniagaan saja boleh dimasukkan dalam perniagaan.

Selain daripada itu tidak dibenarkan dalam pengiraan cukai.

7 - Betul ke beli kereta cash LHDN akan kejar?

“Beli kereta cash, LHDN confirm main kejar-kejar kan?”

Ini soalan biasa diajukan oleh peniaga (khususnya yang memang banyak duit dan boleh beli kereta secara tunai).

Mungkin juga akan dikejar. Tapi jika ada bukti sumber duit itu dari mana, tak perlu risau.

Ini contoh daripada Tuan Rezduan Bakar,

1. Tahun lepas keuntungan bersih bisnes RM150,000.
2. Selepas buat kira-kira dan hantar tafsiran cukai, kena bayar cukai dalam RM30,000. Selepas bayar ada untung bersih RM120,000.
3. Tengok pula dalam aliran tunai (cashflow) masih ada tunai RM100,000 selepas tolak kos operasi.
4. Ada pula kawan terdesak nak jual rumah dengan harga RM90,000. Maka kita pun beli dengan harga RM90,000.
5. Pembelian di atas secara ‘cash’ langsung tak akan alami sebarang masalah. Sebab cukai dah dibayar, dan untung memang lebih daripada nilai rumah yang dibeli.

Cuma fikir dari sudut cashflow bisnes kita. Kalau dah guna 90% duit untung beli rumah, macam mana nak pusing duit bisnes untuk kembangkan perniagaan?

5 Perkara yang anda dapat belajar tentang bisnes, enterprise dan cukai.

Apabila kita hadam semua perkongsian Tuan Rezduan ini, kita boleh faham dengan jelas bahawa:

- 1) Daftar sebagai pembayar cukai apabila kita berniaga.
- 2) Hantar taksiran cukai setiap tahun. Rekod segala perjalanan perbelanjaan bisnes kita setiap hari, minggu, bulan dan tahun.
- 3) Jangan takut dengan LHDN. Mereka hanya jalankan tanggungjawab mereka.
- 4) Ini adalah undang-undang. Jika tak ikut undang-undang, kita akan dikenakan tindakan.
- 5) Sebenarnya rugi kalau kita tak bayar cukai kerana terlalu banyak faedah yang boleh kita dapat sebagai pembayar cukai.

Apakah formula asas pengurusan duit bisnes enterprise untuk jualan bawah RM490,000 setahun?

"Panduan ini membuka mata saya terhadap pengurusan akaun bisnes enterprise. Sangat sesuai untuk bisnes yang jualan bawah RM490,000 setahun."

- Anam Azizi

KLIK SINI:

<http://writetowealth.my/akaunenterprise>

DOWNLOAD SEKARANG

